

MAWARU ENTERPRISE

Memproses minyak wangi daripada bahan tempatan

Disediakan Untuk :

En. KHAIRUL ANWAR B. SUBARI
DBS (ITM)
BBA MKT & IB (UNIV. OF MIAMI) 1985.
MBA MGT (NEW HAVEN) 1987.
(PENSYARAH ETR 300, ITM CAW . PERLIS).

Disediakan Oleh:

Mushidi bin Hassan	(93153349)
Syed Alawi bin Syed Ahmad	(94680706)
Ahmad Fauzi bin Mat Taib	(94668639)
Zamri bin Abdullah	(93828316)

DIPLOMA SAINS 05.(1996).

KANDUNGAN**MUKA SURAT**

LOGO	1
PENGIHARGAAN	4
MUKADIMAH	6
SINOPSIS	8
TUJUAN	11
LATAR BELAKANG SYARIKAT	13
LATAR BELAKANG AHLI KONGSI	15
LATAR BELAKANG PROJEK CADANGAN	21
RINGKASAN	23
PERJANJIAN PERKONGSIAN	25
RANCANGAN PEMASARAN	29
RANCANGAN PENGELUARAN DAN OPERASI	40
RANCANGAN ORGANISASI	60
RANCANGAN KEWANGAN	71
RUMUSAN	93
LAMPIRAN	95

Pengenalan

Dalam zaman serba mencabar ini , berbagai kemudahan yang dahulunya tidak wujud kini telah ada . Teknologi pembuatan minyak wangian juga kian canggih dan boleh menghasilkan berbagai jenis bahan wangian khususnya daripada bahan tempatan .

Syarikat kami iaitu MAWARKU ENTERPRISE tidak mahu ketinggalan untuk meneroka teknologi pembuatan minyak wangian yang terkini . Kami berhasrat untuk menubuhkan sebuah syarikat pemprosesan dan pengeluaran minyak wangian . Hasil dari kajian , MARDI telah menemui beberapa jenis bahan mentah tempatan yang berpotensi untuk dijadikan minyak wangian . Oleh itu kami tidak mahu melepaskan peluang keemasan ini untuk menceburi bidang perniagaan ini . Kami yakin bahawa perniagaan ini akan maju memandangkan tidak ramai bumiputra yang menceburi bidang ini .

Syarikat MAWARKU ENTERPRISE ini diterajui oleh empat orang anak watan selaku ahli kongsi iaitu Mushidi b Hassan , Syed Alwi Syed Ahmad , Zamri Abdulah dan Ahmad Fauzi Mat Taib. Kami adalah berkelulusan Diploma Sains dari Institut Teknologi MARA dan pakar dalam bidang pembuatan bahan wangian .

SINOPSIS

NAMA SYARIKAT

Syarikat yang ditubuhkan ini dinamakan MAWARKU ENTERPRISE yang telah didaftarkan pada 1 Okt 1996 di Pejabat Pendaftaran Syarikat di Alor Setar, Kedah. Syarikat ini wujud diatas gabungan 4 orang ahli rakan kongsi.

BIDANG DAN JENIS PERNIAGAAN

Syarikat ini ialah syarikat yang menjalankan aktiviti memproses bahan mentah tempatan untuk dijadikan minyak wangi, keluaran kami adalah untuk dipasarkan di kawasan utara Malaysia.

ASPEK OPERASI

MAWARKU ENTERPRISE menjalankan operasinya dengan amat teliti berpandukan perancangan yang telah disediakan dengan teratur dan terperinci.

ASPEK KEEWANGAN

Cara pengurusan keewangan bagi MAWARKU ENTERPRISE dilaksanakan dengan cekapp dan bijak, ianya adalah untuk memastikan bahawa syarikat kami kekal sebagai satu perusahaan yang berjaya menjual hasil keluaran dengan cemerlang.

ASPEK PEMASARAN

Bagi melancarkan pelaksanaan syarikat, segala perancangan awal telah dibuat sama ada dalam hal pembahagian jawatan dan tugas-tugas dalam pengurusan. Dengan adanya perancangan awal, dijangkakan segala hal-hal pengurusan akan terlaksana dengan teratur dan sempurna.

LOKASI

Syarikat kami telah mengenal pasti satu lokasi di Kuala Perlis, Perlis. Ia adalah kawasan perusahaan yang dibina khas oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Perlis dengan kadar sewa RM5000.00 sebulan. Ia merupakan kawasan yang strategik kerana ia berhampiran dengan salah sebuah pusat pelancongan yang terkenal iaitu Pulau Langkawi. Ia juga kemudahan infrastruktur yang baik dan lengkap. Ini memudahkan lagi kerja-kerja kami.

MODAL

Syarikat kami memerlukan modal sebanyak RM280,000.00. Modal ini diperolehi daripada pinjaman Bank Bumiputera Malaysia Berhad dan juga daripada rakan kongsi iaitu sebanyak RM45,000 seorang.

ASPEK PERSAINGAN

Dari segi persaingan, syarikat ini akan menghadapi persaingan yang hebat dari pengusaha-pengusaha membuat minyak wangi yang telah sedia ada pada masa kini. Walaubagaimanapun kami yakin dapat mengatasinya dengan mengeluarkan barangan yang bermutu dan mempunyai keistimewaan yang tersendiri.

PROSEDUR SYARIKAT

a) Cuti

Cuti tahunan untuk semua kakitangan syarikat diperuntukkan selama 15 hari.

B) Van

Syarikat ini mempunyai 2 buah van bagi mengambil sebahagian bahan mentah dan menghantar barangan siap ke pasaran.

C) Stok

Stok barangan akan disemak setiap minggu agar ianya sentiasa ada dan dapat memenuhi permintaan pelanggan.